

# 1,502 permohonan ganti MyKad diterima di Pahang

April 10, 2021 @ 3:52pm



Ismail (kiri) menyampaikan sumbangan barangan makanan kepada Tok Batin, Rasib Ali, ketika menziarahi keluarga itu pada Majlis Program Mekar JPN di Kampung Orang Asli Paya Sendayan, hari ini. - Foto BERNAMA

**TEMERLOH:** Sebanyak 1,502 permohonan gantian MyKad diterima menerusi Program Menyemai Kasih Rakyat (Mekar) melalui pasukan Mobile Ehsan Jabatan Pendaftaran Negeri (JPN) Pahang bermula 2018 hingga kini.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said, berkata pelaksanaan program dan permohonan gantian MyKad sedikit terjejas sejak tahun lalu susulan pandemik COVID-19.

"Sehingga Mac lalu, hanya 18 program dan 58 permohonan gantian MyKad yang dilakukan di negeri ini dan ia tidak dapat dielakkan berikutan wabak COVID-19 yang

masih melanda negara," katanya selepas Majlis Penyerahan MyKad di Kampung Paya Sendayan di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Pendaftaran Negara, Datuk Saadon Othman dan Pengarah Pendaftaran Negara Pahang, Juzilawati Kamarudin.

Ismail berkata, pelaksanaan program Mekar dijangka menjadi lebih baik dengan pelancaran Bas Mobile generasi baharu yang bakal beroperasi 1 Mei ini.

"Penambahan Bas Mobile ini akan memperkasakan lagi program turun padang JPN bagi membantu rakyat di kawasan pedalaman mendapatkan dokumen penting seperti MyKad, sijil lahir dan khidmat nasihat JPN.

"Selain itu, ia menyasarkan untuk membantu rakyat termasuk mengeluarkan dokumen MyKad kepada anggota tentera dan polis yang berada di kem latihan tanpa perlu hadir ke kaunter JPN," katanya.

Terdahulu, Ismail menyerahkan MyKad gantian baharu kepada 15 Orang Asli yang menetap di Kampung Paya Sendayan, di sini. – BERNAMA